

20/12/2001

Tiada suaka politik untuk Misuari

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia menolak permohonan pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur Misuari, untuk mendapat suaka politik sementara sebelum dihantar ke negara ketiga.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata masa untuk memohon suaka politik sudah tidak sesuai kerana Malaysia sudah bersetuju dan berjanji menghantarnya pulang.

"Demi menjaga hubungan dua hala Malaysia-Filipina dan kerjasama anggota Asean kita tetap penuhi janji menghantar Misuari pulang ke Filipina.

"Keputusan untuk menghantar pulang bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao sudah dibuat selepas dia ditahan memasuki negara ini tanpa dokumen perjalanan sah," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas tindakan peguam Misuari menghantar surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon suaka politik sementara sebelum dihantar ke negara ketiga.

Misuari yang menghadapi tuduhan pemberontakan di Manila, ditahan pihak berkuasa Malaysia kerana cuba memasuki negara ini secara haram melalui perairan Sabah 24 November lalu selepas melancarkan pemberontakan di selatan Filipina.

Peguamnya, Elly Pamatong dilaporkan berkata, beliau menulis kepada Perdana Menteri memintanya memberi masa lagi berikutan tarikh akhir penghantaran pulang Misuari 24 Disember ini, semakin hampir.

Syed Hamid berkata, Malaysia tetap menghantar pulang dan terserah kepada Kerajaan Filipina untuk membenarkan Misuari memohon suaka politik di negara ketiga.

"Perdana Menteri sudah memberi persetujuan untuk menghantar balik Misuari dan bagi memenuhi janji itu, kita tidak akan membenarkan persetujuan berkenaan ditarik balik," katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa Malaysia dan Filipina sedang berusaha untuk menghantar pulang Misuari seberapa segera.

Ditanya apakah pemimpin MNLF itu diberi layanan istimewa sepanjang tahanan, Syed Hamid berkata, dia ditahan mengikut prosedur biasa.

"Apa yang penting kita menjalankan siasatan, memberi kerjasama sesuai kepada pasukan keselamatan Filipina dan menjaganya sebagai tahanan biasa," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika ditemui di rumah terbuka Aidilfitri besannya, Datuk Abdullah Omar di Muar bagaimanapun enggan mengulas perkara itu.

(END)